



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
-PEKELILING-



KEJUJURAN DAN KETEKUNAN

Fail : MBSA/PTD/PA/100-1/1/1(81)

Tarikh : 14 Mac 2011
9 Rabiulakhir 1432H

Kepada,

**Semua Pengarah / Ketua Bahagian /
Pengurus Pejabat Cawangan
Majlis Bandaraya Shah Alam**

Tuan,

PENGUNAAN LOGO SELANGOR SHINES

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Darul Ehsan ke 40/2009 yang telah diadakan pada 9 Disember 2009 telah meluluskan penggunaan logo Selangor *Shines* sebagai simbol rasmi kempen Tahun Melawat Selangor 2011.
3. Bersesuaian dengan kempen **Tahun Melawat Selangor 2011 (TMS2011)**, sebuah logo telah direka bentuk bagi menggambarkan usaha dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan kempen ini meraih kejayaan. Logo ini dikenali sebagai Selangor *Shines* atau Selangor Bersinar. Logo ini juga sebagai tanda bahawa Negeri Selangor telah bersedia menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara.
4. Oleh yang demikian, semua jabatan diwajibkan memuatkan logo berkenaan di memo dalaman, surat-surat rasmi dan bahan-bahan penerbitan sebagai tanda sokongan kepada pelaksanaan TMS2011. Logo berkenaan juga perlu dipaparkan di **Laman Web Rasmi Majlis**. Logo *Shines* juga boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Selangor.
5. Tempoh kempen Tahun Melawat Selangor 2011 menggunakan logo Selangor *Shines* ini adalah bermula dengan serta merta dari tarikh ia dikeluarkan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

BERSAMA KE ARAH KEGEMILANGAN

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI JAMRI BIN BASNI)
Pengarah Khidmat Pengurusan

s.k Datuk Bandar
Timbalan Datuk Bandar